

SOALAN NO: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**
TARIKH : 25 JULAI 2017
SOALAN : 81

YB Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kementerian akan memperhalus garis panduan waktu bekerja bagi Pegawai Perubatan bagi mengelakkan kes-kes kemalangan Pegawai Perubatan yang pulang selepas bekerja 34 jam tanpa henti.

Tuan Yang di-Pertua,

Waktu Bekerja biasa bagi Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sama seperti penjawat awam yang lain iaitu tertakluk kepada Perintah Am Bab G dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005, tidak lebih dari 9 jam termasuklah waktu rehat.

Bagi memenuhi keperluan pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan perubatan berterusan di hospital, perkhidmatan perubatan

perlu diberi secara berterusan di mana pegawai perubatan diperlukan untuk bertugas Atas Panggilan, secara Aktif atau Pasif. Pelaksanaan Tugas Atas Panggilan ini adalah mengikut tatacara yang digariskan dalam Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2/1998. Tatacara pelaksanaan Tugas Atas Panggilan yang terbaru telahpun dimantapkan dalam Surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bertarikh 15 September 2016. Pegawai Perubatan dibenarkan berehat atau / *time off* setelah menyelesaikan tugas-tugas di wad atau prosedur yang diperlukan pesakit bagi memastikan kesinambungan dalam rawatan pesakit.

Semua anggota KKM disarankan mengambil berat tentang keselamatan diri mereka dan mengamalkan budaya pemanduan yang selamat, terutamanya selepas tugas diselesaikan. Jika kelesuan atau mengantuk, mereka disarankan untuk mengambil masa untuk berehat atau tidur sebentar sebelum memandu. Ini adalah untuk memastikan mereka dapat memandu dengan selamat semasa dalam perjalanan pulang.

Sebagai langkah pencegahan, KKM turut berganding bahu dalam mencari penyelesaian dengan agensi-agensi berkaitan contohnya MIROS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Badan-Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.